

SISTEM SOSIAL MASYARAKAT TRADISIONAL BRUNEI ABAD KE-19: SUATU PENGENALAN RINGKAS

ISMAIL BIN HAJI AWANG NORDIN

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan cuba memaparkan keadaan masyarakat tradisional di Negara Brunei Darussalam di dalam abad yang ke-19 dengan menumpukan kepada kedudukan status sosial yang mewarnai kehidupan harian bermasyarakat orang-orang Brunei. Seperti juga di negeri-negeri Melayu di nusantara, masyarakat tradisional Brunei mengandungi dua komponen yang saling memerlukan iaitu golongan pemerintah (sultan) dan golongan diperintah iaitu (rakyat). Golongan pertama tidak boleh berdiri tanpa sokongan golongan kedua. Dari segi struktur masyarakatnya pula terdapat golongan tertentu yang sangat memainkan peranan penting di dalam kehidupan masyarakat tradisional Negara Brunei Darussalam. Golongan ini terdiri daripada Raja-Raja Betaras (Core Nobility), Pengiran-Pengiran (Nobility), Pehin-Pehin Menteri dan rakyat. Hubungan sosial antara mereka ini sangat memerlukan antara satu sama lain, tetapi pergerakan peringkat sosial sangat terbatas. Dengan kata lain, mobiliti sosial dari peringkat bawah ke atas sangat terbatas.

ABSTRACT

This article attempts to highlight Brunei Darussalam's traditional society in the 19th century, focusing on the social status which coloured the daily life of Bruneians. Like in other Malay states in Southeast Asia, Brunei's society had two important components, the ruler and the ruled, and the former could not stand on its own without the support of the latter. Brunei's traditional societal structure consisted of several groups that played important roles. These groups were the Core Nobility, Nobility, Pehins and the masses. Social relations among these groups were complementary but their social mobility, especially their upward mobility, was rather limited.

Masyarakat tradisional Brunei abad ke-19 dapat dibahagikan kepada dua kelompok sosial yang sangat memerlukan antara satu sama lain. Kelas pemerintah iaitu raja atau sultan dan kelas diperintah iaitu rakyat. Pembahagian ini adalah serupa dengan pembahagian masyarakat di dunia Melayu. Selain daripada itu terdapat juga golongan elit tradisional Melayu Negara Brunei Darussalam abad ke-19 yang berpengaruh di dalam sistem masyarakat di abad tersebut. Golongan ini adalah orang-orang yang mempunyai kuasa dalam lingkungan pengaruh mereka. Golongan pemerintah adalah golongan yang sangat sedikit manakala kelas yang diperintah adalah terlalu banyak dari segi bilangannya. Kelas pemerintah yang paling atas adalah raja atau sultan. Kemudian di ikuti oleh wazir-wazir, cheteria-cheteria, menteri-menteri dan ketua kampung, bagi pimpinan kampung. Manakala kelas diperintah adalah terdiri daripada rakyat Brunei, rakyat bukan Brunei dan hamba.

Golongan-golongan tersebut menggambarkan keadaan masyarakat tradisional Negara Brunei Darussalam dalam abad ke-19 yang diperintah oleh sultan-sultan berikut: Sultan Muhammad Tajudin (1795-1804, 1804-1807), Sultan Muhammad Jamalul Alam I (1804), Sultan Muhammad Kanzul Alam (1807-1828), Sultan Muhammad Alam (1827-1828), Sultan Omar Ali Saifuddin II (1828-1852), Sultan Abdul Mumin (1852-1885) dan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (1885-1906).¹ Dalam hal mentadbir negeri, sultan-sultan itu dibantu oleh pegawai-pegawai kerajaan tradisional yang terdiri dari wazir-wazir, cheteria-cheteria, pehin-pehin menteri serta pegawai-pegawai tradisional lain.

Golongan rakyat adalah hamba kepada sultan. Sebagai rakyat semestinya menanamkan sifat-sifat taat setia, hormat dan rendah diri kepada sultan. Hubungan rakyat dengan sultan sangat penting kerana jika tidak ada rakyat maka tidak ada sultan, begitu juga sebaliknya. Hubungan sultan dengan rakyat ini diperkuatkan lagi dengan ungkapan-ungkapan seperti

"Raja untuk rakyat dan rakyat untuk raja", "Raja tidak boleh zalim" dan "Rakyat tidak boleh derhaka kepada rajanya".² Ungkapan ini sebenarnya selaras dengan perjanjian sosial yang sudah lama wujud antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun di Palembang yang menekankan bahawa raja tidak boleh zalim atau menganiaya terhadap rakyatnya dan rakyat mesti setia kepada rajanya.

Sistem masyarakat tradisional negara Brunei Darussalam ada hubungkaitnya dengan sistem politik dan pentadbiran tradisional negara Brunei Darussalam. Kajian-kajian awal tentang sistem politik dan pentadbiran tradisional Negara Brunei Darussalam telah dibuat oleh D.E. Brown, bertajuk, *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*, monograf siri no.2, 1970, terbitan Jabatan Muzium Brunei. Selain itu data-data mengenai sistem politik dan pentadbiran tradisional ini banyak terdapat dalam *Silsilah Raja-Raja Brunei* versi Amin Sweeney dan juga dalam rencana-rencana yang ditulis oleh pegawai-pegawai Inggeris, umpamanya "Two Colonial Office Memoranda on the History of Brunei" oleh Sir R.E. Stubbs dalam JMBRAS, Vol. XLI, Part 2, 1968. Di samping kajian politik dan pentadbiran, kajian-kajian mereka juga menyentuh tentang masyarakat tradisional Brunei. Dalam abad ke-20, ramai sarjana-sarjana tempatan yang membuat kajian atau menyentuh tentang susunlapis masyarakat tradisional Brunei dan juga sistem politik dan pentadbiran zaman lampau. Umpamanya Prof. Madya Dr. Haji Hashim Bin Hj. Abdul Hamid dalam "Islam Di Brunei Darussalam: Satu Analisis Sosio-Budaya", iaitu buku berdasarkan tesis kajian Ph.D beliau.

Dalam kertas-kerja ini saya akan cuba menggambarkan sistem politik dan pentadbiran tradisional Negara Brunei Darussalam dalam abad ke-19 dan cuba mengaitkannya dengan sistem masyarakat tradisional Brunei dengan menghadkan kepada hubungannya dengan status sosial masyarakat tradisional Brunei. Sistem politik dan pentadbiran tradisional Negara Brunei Darussalam adalah sistem beraja. Sistem ini berterusan sejak penubuhan kerajaan awal Brunei sebelum Islam dan selepas Islam dan kekal berlanjut hingga sekarang ini. Sistem ini sentiasa dijamin dan akan sentiasa berterusan di masa-masa yang akan datang seperti yang termaktub di dalam pengisytiharan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dalam tahun 1984.³ Sebagai negara Beraja, maka raja atau sultan adalah pemerintah mutlak di Negara Brunei Darussalam.

Dari segi pentadbiran pula, pentadbiran tradisional Negara Brunei Darussalam dalam abad ke-19 adalah terbahagi kepada tujuh bahagian, iaitu:

1. Sultan
2. Wazir-Wazir
3. Cheteria-Cheteria
4. Menteri-Menteri
5. Menteri Pengalasan Damit
6. Menteri Darat
7. Ketua Kampung

Bagi tanah-tanah jajahan terdapat pentadbiran tanah-tanah jajahan. Di dalam hal pentadbiran ini, kuasa yang paling tinggi dan teratas adalah sultan. Sultan adalah pemerintah mutlak bagi Negara Brunei Darussalam. Ianya tidak boleh dipertikaikan lagi kerana sudah menjadi teradat dan turun temurun bahawa Negara Brunei Darussalam diperintah oleh seorang raja atau sultan. Tanggungjawab seorang sultan adalah untuk memastikan keamanan negara terjamin dan memberikan kesejahteraan dan kebajikan kepada rakyatnya. Selain itu, mempertahankan negara ini daripada kuasa-kuasa asing selagi mana ianya mampu berbuat demikian. Sebagai contoh ialah peranan yang dimainkan oleh Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin dalam menyelamatkan negara Brunei daripada terus diambil oleh keluarga pemerintah Brookes di Sarawak di akhir abad

ke-19 dan di awal abad ke-20. Selain itu, sultan juga adalah ketua negara, ketua ugama, ketua kanun, ketua adat dan resam.

Sebagai pemerintah negeri yang besar, luas dan bertanah jajahan, di dalam pentadbiran, sultan dibantu oleh pegawai-pegawai baginda iaitu empat orang wazir-wazir yang penting: Pengiran Bendahara Permai Suara, Pengiran DiGadong Sahibol Mal, Pengiran Pemancha Sahibol Ra'e dan Pengiran Temenggong Sahibol Bahar. Wazir-wazir ini diamanahkan untuk menjalankan tugas-tugas yang tertentu. Mereka mempunyai bidang kuasa masing-masing yang tidak tindih-menindih. Dengan adanya pembahagian tugas ini sudah tentu dapat melicinkan dan melancarkan lagi pemerintahan dan pentadbiran negara.⁴

Pengiran Bendahara Permai Suara adalah wazir yang terpenting sekali, kerana beliau adalah orang yang sangat terdekat dengan sultan dan menjawat jawatan timbalan sultan apabila sultan berangkat keluar negeri.⁴ Selain daripada itu, beliau juga pegawai yang tertinggi dalam hal ehwal Agama Islam.⁵ Tugas lainnya ialah menjadi pengetua tertinggi untuk menjalankan kekuasaan sultan dan menjadi pengetua tertinggi dalam kehakiman.⁶

Wazir yang kedua penting ialah Pengiran DiGadong Sahibol Mal. Antara tugas-tugas beliau ialah: Menjadi pengetua tertinggi bagi kekayaan negara, menjadi pengetua tertinggi dalam ketenteraan dan menjadi pengetua tertinggi bagi negara-negara yang ditakluk.⁷

Pengiran Pemancha Sahibol Ra'e pula bertugas sebagai: Pengetua tertinggi dalam urusan hal ehwal dalam negeri, pengetua tertinggi dalam hal ehwal adat istiadat, resam dan kanun negara . Tugasnya lain ialah menjadi pengetua dalam mengesahkan perkara-perkara yang dijalankan. Jikalau perkara-perkara itu difikirkannya tidak munasabah, bolehlah perkara itu dibatalkannya.⁸

Wazir yang keempat ialah Pengiran Temenggong Sahibol Bahar. Tugas dan tanggungjawab beliau ialah: Menjadi pengetua tertinggi dalam hal ehwal ketenteraan laut, menjadi pengetua tertinggi dalam hal urusan pemerintahan negeri-negeri yang baru ditakluk. Tetapi apabila masa penaklukan selesai ianya diserahkan kepada Pengiran DiGadong Sahibol Mal. Tugas lain ialah menjadi pengetua tertinggi dalam hal ehwal penerangan dan pengetua tertinggi bagi orang-orang yang terhukum.⁹

Kemudian, wazir-wazir ini pula dibantu oleh pegawai-pegawai diraja yang terdiri daripada pengiran-pengiran Cheteria yang mengandungi Cheteria Empat, Cheteria Lapan, Cheteria Enambelas dan Cheteria Tiga Puluh Dua. Kesemua cheteria-cheteria ini adalah 'orang-orang bergelar'.¹⁰

Di bawah cheteria-cheteria ialah Pehin-Pehin Menteri. Golongan ini juga terdiri daripada 'orang-orang bergelar'. Seperti cheteria, Pehin-Pehin Menteri juga mengandungi Menteri Empat; Lapan; Enam belas dan Tiga Puluh Dua,dan ini termasuklah Menteri-Menteri Darat (land chiefs). Wazir-wazir, Cheteria-cheteria, Pehin-pehin menteri dan Menteri-menteri darat adalah pegawai-pegawai tradisional kerajaan Negara Brunei Darussalam khususnya dalam abad yang ke-19 yang mana jawatannya dilantik oleh Sultan sama ada ianya berciri ataupun tidak berciri.

Tingkat pentadbiran yang paling bawah sekali ialah ketua kampung. Perlantikan ketua kampung ditentukan oleh penduduk-penduduk kampung masing-masing.¹¹

Struktur pentadbiran tradisional Negara Brunei Darussalam seperti yang telah diterangkan tadi dari segi gambar rajah adalah seperti berikut:

Sultan Dan Yang Dipertuan Wazir-wazir (4) Cheteria-cheteria (4, 8, 16, 32) Pehin Menteri (4, 8, 16, 32 termasuk Menteri Pengalasan Damit) Menteri-menteri Darat Ketua Kampung
--

Dalam sistem masyarakat tradisional Negara Brunei Darussalam khususnya dalam abad ke-19, kedudukan sultan dan pembesar-pembesar negara ini tidak berubah iaitu kedudukan atau hierarki dari atas ke bawah. Status sosial masyarakat itu lebih luas lagi pembagiannya kerana ia melibatkan keseluruhan komponen-komponen masyarakat tradisional Negara Brunei Darussalam abad ke-19. Menurut kajian D. E. Brown,¹² stratifikasi masyarakat Negara Brunei Darussalam adalah terdiri dari:

Sultan dan Wazir-wazir (Raja-Raja Betaras)

Cheteria (Pengiran-Pengiran yang bergelar)

Pehin-Pehin Menteri (Golongan aristokrat)

Rakyat Brunei

Rakyat bukan Brunei

Hamba

Sultan dan wazir-wazir terdiri daripada raja-raja betaras (core nobility). Cheteria pula adalah pengiran-pengiran yang bergelar. Ianya terdiri daripada pengiran-pengiran yang disampiri gelaran (common nobility). Wazir-wazir selalunya adalah orang-orang yang paling dekat dengan Sultan dari segi kekeluargaan. Begitu juga dengan pengiran-pengiran cheteria.

Pehin-pehin menteri terdiri dari orang-orang biasa dan bukannya golongan raja-raja betaras atau pengiran-pengiran. Status pehin-pehin menteri adalah paling atas di kalangan rakyat biasa tetapi kedudukannya berada di bawah cheteria-cheteria atau pengiran-pengiran biasa yang bergelar.¹³ D.E Brown mengkategorikan mereka ini sebagai golongan aristokrat.

Di bawah golongan aristokrat adalah rakyat biasa (orang-orang Brunei). Manakala di bawah rakyat biasa pula ialah rakyat yang bukan orang-orang Brunei. Status sosial yang paling bawah sekali dalam masyarakat tradisional Brunei dalam abad ke-19 ialah golongan hamba. Gambaran ini menunjukkan struktur masyarakat tradisional Brunei dalam abad ke-19 yang Darussalam dalam abad tersebut.

Dengan berdasarkan strata sosial di atas, status sosial masyarakat tradisional Negara Brunei Darussalam sebahagian besarnya dihubungkan dengan kedudukan mereka di dalam pentadbiran Negara Brunei Darussalam. Umpamanya jika kedudukan Sultan adalah yang tertinggi dalam struktur pentadbiran Negara maka status baginda juga yang tertinggi di dalam sistem sosial masyarakat tradisional Negara Brunei Darussalam. Kedudukan ini diikuti pula oleh status sosial wazir-wazir yang mana mereka ini dikategorikan sebagai raja-raja betaras. Ini diikuti pula oleh raja-raja tidak bertaras iaitu cheteria-cheteria. Di kalangan rakyat biasa golongan aristokrat (pehin-pehin menteri) adalah yang paling atas. Kemudian diikuti oleh golongan rakyat (orang-orang Brunei), orang-orang bukan Brunei dan seterusnya hamba. Pada realitinya sistem ini berterusan sehingga awal abad ke-20, tetapi tanpa komponen rakyat yang bukan orang Brunei dan juga hamba.

Untuk mendapat kedudukan yang tinggi dan dihormati di dalam masyarakat bukanlah suatu perkara yang mudah. Ianya berkehendakkan syarat-syarat yang tertentu, yang membolehkannya mendapat sesuatu gelaran. Dalam *Silsilah Raja-Raja Brunei*,¹⁴ ada menyebutkan empat syarat untuk seseorang itu dikurniakan gelaran oleh Sultan, iaitu, "...pertama orang berbangsa, kedua orang yang bijaksana lagi berakal, ketiga orang yang berani lagi perkasa pada barang pekerjaannya, keempat orang itu takut akan rajanya, maka

jikalau tiada salah satu syarat yang tersebut di atas maka tiadalah sempurna dijadikan wazir atau menteri atau hulubalang atau pegawai".

Dalam masyarakat tradisional Negara Brunei Darussalam jikalau seseorang itu digelar oleh Sultan maka kedudukannya dalam masyarakat adalah sangat tinggi dan dihormati. Selain daripada itu, mereka juga digalati di dalam masyarakat. Selain diukur dengan gelaran, mereka juga diukur dengan harta kekayaan yang mereka miliki.¹⁵ Dalam sistem masyarakat tradisional Negara Brunei Darussalam, kedudukan mereka diberikan mengikut peringkat status sosial mereka. Ini dapat dilihat dari segi kedudukan mereka dalam majlis-majlis beristiadat dan keramaian. Dalam majlis adat istiadat umpamanya tempat duduk sultan, wazir-wazir, cheteria-cheteria, pehin-pehin menteri dan lain-lain telah ditentukan. Waimapun sekarang ini, kedudukan ini masih berfungsi. Di samping itu keluarga-keluarga mereka juga mendapat penghormatan mengikut pangkat dan status mereka.

Taraf dan kedudukan mereka dalam masyarakat juga dilihat dari segi sapaan atau ganti nama diri orang pertama dan kedua. Tujuannya ialah untuk menunjukkan peringkat ketuaan seseorang, rasa hormat dan kesantunan masyarakat. Umpamanya sapaan bagi sultan atau raja ialah 'Duli Tuan Patik' dan 'Hamba Duli Tuan Patik'. Bagi wazir-wazir pula ialah 'Hamba Tuanku' dan 'Hamba Duli Tuanku'. Pengiran-pengiran cheteria dan pengiran-pengiran ialah 'Tuan Peramba' dan 'Peramba'. Pehin-pehin menteri pula ialah dengan perkataan 'Kaola'. Begitulah seterusnya dan seterusnya.¹⁶

Pergerakan sosial atau mobiliti sosial dari bawah ke atas dalam masyarakat tradisional Negara Brunei Darussalam adalah sangat terhad atau terbatas sekali. Ini adalah kerana masyarakat tradisional Brunei sangat mementingkan darjat dan keturunan. Jarang sekali atau mungkin tidak pernah berlaku golongan rakyat biasa berkahwin dengan golongan pengiran-pengiran. Apakah lagi berkahwin dengan golongan Raja-Raja Betaras. Dari segi perkahwinan ini, kalau ianya dari golongan Raja-Raja Betaras adalah lebih baik berkahwin dengan golongan yang dalam lingkungan yang sama taraf denganannya. Selalunya, rakyat biasa akan merasa takut untuk membuat hubungan kekeluargaan dengan golongan pengiran-pengiran jika pihak golongan orang biasa itu orang perempuan, apakah lagi orang lelaki. Dalam hal lain, rakyat biasa juga boleh dinaikkan status sosialnya apabila ianya mendapat gelaran daripada sultan. Umpamanya gelaran pehin-pehin menteri, damong, pateh, pengarah, panglima dan sebagainya.

Sebagai kesimpulan, masyarakat tradisional Negara Brunei Darussalam dalam abad ke-19 dikawal, dalam kehidupan harian mereka oleh suatu sistem yang amat unik. Status sosial mereka adalah berhierarki iaitu dari atas ke bawah. Status ini dihubungkan dengan status pegawai-pegawai itu di dalam pentadbiran negara. Status sultan dalam sistem politik dan pentadbiran serta dalam sistem sosial masyarakat tradisional Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam abad yang ke-19 adalah di dalam peringkat yang tertinggi sekali. Ini di ikuti oleh wazir-wazir, cheteria-cheteria, pehin-pehin menteri, menteri-menteri pedalaman, ketua kampong, rakyat biasa orang Brunei, rakyat biasa orang bukan Brunei dan hamba. Pergerakan sosial di peringkat masyarakat masing-masing adalah lebih kerap. Manakala pergerakan sosial dari bawah ke atas sangat terbatas. Masyarakat Melayu tradisional Brunei dalam abad ke-19 sangat mementingkan darjat dan keturunan. Sungguhpun begitu, ianya telah mengalami perubahan yang boleh dikatakan sangat drastik pada abad ke-20.

NOTA-NOTA

¹ Mohd Jamil Al-Sufri (Pehin Dato Dr.), "Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara", dalam *Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Jabatan Pusat Sejarah, 1994, hal. 35.

² P.M.Yusuf, "Adat Istiadat Diraja Brunei Darussalam" dalam *Jurnal Muzium Brunei*, Jabatan Muzium Brunei, 1975, hal. 43.

³ Lihat Pemasyhuran Kemerdekaan, 1984.

- ⁴ D. E. Brown, *The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*, Monograph of the Brunei Museum Journal 2.2, 1970, hal.106.
- ⁵ Ibid.
- ⁶ P. M. Yusuf, *op.cit.*, hal. 45.
- ⁷ Ibid.
- ⁸ Ibid.
- ⁹ Ibid.
- ¹⁰ Hashim Bin Hj Abdul Hamid, *Islam Di Brunei Darussalam: Suatu Analisa Sosio-Budaya*, Universiti Brunei Darussalam, 2003, hal. 35.
- ¹¹ D. S. Ranjit Singh, *Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival*, OUP., Singapore, 1991, hal. 26. Lihat juga D.E.Brown., hal. 241.
- ¹² D. E. Brown, *op. cit.*, hal. 87.
- ¹³ Ibid., hal. 88.
- ¹⁴ Amin Sweeney,"Silsilah Raja-Raja Brunei", dalam *JMBRAS*, Vol. XLI, Part 2, 1968, hal. 21.
- ¹⁵ Lihat Muhammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, DPB., Kuala Lumpur, 1990, *passim*.
- ¹⁶ Hashim Bin Hj Abdul Hamid, *op.cit.*, hal. 57-58.

RUJUKAN

- Amin Sweeney, P. L. (1968). Silsilah Raja-Raja Brunei. *Journal Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, XLI(2): 1-82.
- Brown, D. E. (1970). *The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*. Monograph of the Brunei Museum Journal.
- Hashim Bin Hj. Abdul Hamid. (199). *Cerocok Budaya Brunei*. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- Hashim Bin Hj. Abdul Hamid (2003). *Islam Di Brunei Darussalam: Suatu Analisa Sosio-Budaya*. Bandar Seri Begawan:Universiti Brunei Darussalam.
- Horton, A. V. M. (1985). *The Development of Brunei During the British Residential Era 1906-1959: A Sultanate Regenerated*. PhD thesis, University of Hull.
- Muhammad Isa Othman (1990). *Politik Tradisional Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf, P. M. (1975). "Adat Istiadat Diraja Brunei Darussalam. *Brunei Museum Journal*, 3(3): 43-108.
- Mohd Jamil Al-Sufri (1994). Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara. Dalam *Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertaskerja Seminar Sejarah Brunei*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah.
- Pemasuhan Kemerdekaan*, 1984.Brunei
- Ranjit Singh, D. S. (1991). *Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival*. Singapore: Oxford University Press.